

**Rusia Akan Bincang Liberalisasi Perdagangan Pada Forum APEC
Bernama
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Penyertaan Rusia dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) baru-baru ini akan membolehkan negara itu membincangkan langkah-langkah liberalisasi perdagangan pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dijangkakan berlangsung pada September.

Negara itu akan mempengerusikan forum yang bertemakan "Bersepadu untuk berkembang, inovasi untuk makmur" dan menjadi tuan rumah Minggu Pemimpin APEC di Vladivostok, Rusia.

Berikutan kejayaan penyelesaian perjawatan WTO, negara itu kini bersedia memulakan rundingan mengenai perjanjian perdagangan bebas dengan ekonomi APEC, kata Kedutaan Rusia Isnin.

"Ini dapat membuka ruang untuk penyepaduan bentuk baharu APEC dan meluaskan pasaran Asia Pasifik ke seluruh benua Rusia," katanya menerusi satu kenyataan.

Mengenai forum itu, Rusia merancang memastikan kesinambungan usaha APEC dan berusaha meluaskan agenda tradisional secara konstruktif.

"Objektif utama Rusia ialah meningkatkan liberalisasi perdagangan dan pelaburan dan memudahkan penyepaduan ekonomi di Asia Pasifik.

"Penyepaduan kedudukan dalam kalangan ekonomi APEC dapat melonjakkan perbincangan perdagangan pelbagai hala dan menjadikannya lebih konstruktif," kata kenyataan itu.

Rusia juga merancang mempromosi kerjasama APEC dalam jaminan makanan.

"Seperti ekonomi anggota yang lain, kami juga mempunyai kepentingan dalam memastikan makanan tersedia, mampu dibeli, selamat dan berkualiti tinggi," katanya.

Topik perbincangan lain yang akan dibincangkan pada forum itu meliputi perlunya untuk meningkatkan longistik dalam memastikan penyaluran rangkaian bekalan di rantau ini dan menggalakkan interaksi luas dalam kalangan universiti, pusat penyelidikan dan syarikat bagi memudahkan pembangunan ekonomi berasaskan inovasi untuk pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Negara itu juga akan menggalakkan perbincangan konstruktif dalam isu-isu jaminan tenaga, pertumbuhan mesra alam serta usaha untuk menyiapkan negara anggota dalam menangani bencana alam dan kecemasan lain.

Rusia juga akan memberi tumpuan terhadap kerjasama dalam memerangi keganasan dan jenayah transnasional, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642881>